

11. Gunakan cooling pad.
Elakkan dari meletak laptop dari permukaan yang menyerap haba seperti atas bantal/tilam. Ini menyebabkan laptop semakin panas.

Terdapat banyak lagi tips untuk menjimatkan jangka hayat bateri, tetapi tips di atas lebih mudah dipraktikkan. Selamat mencuba.

Awat! Bahaya WiFi Percuma Di Tempat Awam

Mungkin ramai yang suka atau sering online facebook, twitter, email dan sebagainya di tempat awam yang menyediakan kemudahan internet atau wifi percuma terutamanya di kolej, kedai-kedai makan, pusat membeli belah dan sebagainya. Tapi tahukah anda online di tempat terbuka sebenarnya berisiko tinggi untuk di hack?

Ya betul, online di tempat terbuka memang memudahkan akaun anda di godam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan kaedah Rampasan Sesi atau Session Hijacking dengan menggunakan Firesheep iaitu add on yang di buat untuk browser Mozilla Firefox.



Dengan teknik ini, pengodam dengan mudah dapat mencuri cookies iaitu data lengkap tentang akaun seseorang yang terdapat dalam komputer/ laptop pemangsa. Ianya memang mudah bagi yang pakar. Apabila dapat cookies atau data ni, pengodam hanya terus masuk ke akaun pemangsa tanpa perlu log in, bahaya bukan? bagaimana dengan urusan perbankan? memang bahaya.

Jadi antara tips-tips yang boleh diberi:-

1. Jangan log masuk atau online dekat wifi percuma yang pelik-pelik di kawasan perumahan yang tidak diketahui datang dari mana.
2. Kalau dah selesai urusan di internet, cepat-cepat log keluar dan clear history dan cookies.
3. Jangan log in di mana-mana laman web yang tidak mempunyai https dalam url laman web nya. (Dikatakan laman web yang menggunakan https lebih selamat daripada rampasan sesi Session Hijacking).
4. Nak selamat, jangan buat urusan perbankan seperti maybank2u, cimb click di tempat awam dan di cyber cafe juga..



Masalah ID Atau Katalaluan HRMIS Disekat



Pernahkah anda mengalami masalah ID atau katalaluan HRMIS milik anda disekat? Sudah pasti ada yang pernah mengalaminya,


terutama kepada sesiapa yang jarang-jarang membukanya. Untuk pengetahuan anda, sekiranya anda tidak membuka HRMIS dalam tempoh melebihi tiga bulan, sistem akan menyekat secara otomatik ID dan katalaluan anda.

Apa yang perlu anda lakukan adalah menghubungi Unit ICT untuk 'reset' semula katalaluan anda dengan mengemukakan ID HRMIS anda, iaitu nombor kad pengenalan anda. Setelah pegawai dari Unit ICT 'reset' katalaluan, anda haruslah masuk ke HRMIS dan masukkan ID dan katalaluan yang telah di'reset' itu seperti gambar1 di bawah.




Gambar 1

Setelah ID dan katalaluan diisi, sila klik pada butang hantar. Setelah itu, satu paparan baru seperti gambar 2 akan terpapar.



Gambar 2

Klik pada butang 'OK' di paparan berkenaan dan satu paparan baru akan terpapar seperti gambar 3 di bawah.



Gambar 3

Bagi katalaluan lama, masukkan katalaluan yang telah di'reset' yang anda baru masukkan sebentar tadi. Kemudian, masukkan katalaluan yang baru. Bagi katalaluan baru, anda bebas untuk letakkan apa-apa sahaja yang anda fikir mudah untuk diingati dengan syarat, katalaluan berkenaan mestilah melebihi lapan (8) aksara dan juga mesti digabungkan dengan huruf besar, huruf kecil, nombor

dan simbol.

Berikut adalah contoh-contoh kata-laluan yang boleh diterimapakai di dalam HRMIS.

Contoh 1 : LA1234kerupang
Contoh 2 : L@1234kerup@ng
Contoh 3 : L@!z3Ak3rup@ng

Jika anda lihat pada contoh diatas, katalaluan itu digabungkan antara huruf besar, nombor, huruf kecil dan simbol. (Gabungan mestilah sekurang-kurangnya jenis, sama ada gabungan huruf besar dengan nombor atau huruf kecil dengan nombor.)

Untuk memastikan katalaluan anda boleh diterima pakai atau tidak, terdapat petunjuk kekuatan katalaluan di sebelah kanan petak katalaluan. Apabila anda mula masukkan katalaluan baru, petunjuk kekuatan akan berada pada petunjuk warna merah, iaitu lemah. Pastikan petunjuk kekuatan katalaluan berada di tahap kuning(sederhana) atau hijau(baik). Sekiranya petunjuk kekuatan katalaluan itu masih lagi berada pada tahap merah (lemah), HRMIS tidak akan membenarkan ke langkah seterusnya apabila anda klik ke butang hantar. Contoh seperti di gambar 4.

mula katalaluan yang baru anda isi ke ruangan ini. Setelah itu, klik pada butang hantar.

Setelah klik pada butang hantar, satu paparan baru seperti gambar 5 akan terpapar bermakna, katalaluan anda telah berjaya ditukar. (Untuk masuk ke HRMIS di masa akan datang, sila gunakan katalaluan yang baru).



Gambar 5

Setelah butang 'OK' diklik, menu utama HRMIS akan dipaparkan seperti di gambar 6. Pastikan ID pengguna dan nama adalah kepunyaan anda. Setelah selesai menggunakan HRMIS keluar dari system dengan menekan butang keluar.



Gambar 6



Gambar 4

Bagi ruangan Pengesahan Kata-laluan Baru, anda mestilah menaip se-

Jimatkan Bateri Laptop

Tips bagaimana cara untuk memanjangkan jangka hayat bateri laptop ketika menggunakannya. Kita sedia maklum bahawa standard jangka hayat bateri laptop adalah 300 kali cas secara umum. Jadi jika selepas tempoh masa tertentu anda pasti perasaan bahawa bateri laptop anda tidak sehebat ketika masa mula-mula menggunakannya.

Jika anda ingin menggunakan laptop untuk jangka masa yang panjang (contoh straight 3 – 8 jam sehari), dinasihatkan agar anda menanggalkan bateri dan hanya perlu menggunakan power kabel sahaja. Ini kerana jika kuasa bateri sudah penuh dan pada masa yang sama masih menggunakan power kabel, bateri tidak dapat menampung lebih kuasa dan secara tidak langsung boleh menjejaskan ketahanan bateri.

Bagaimana pula jika mahu menggunakan bateri tetapi ingin memastikan bateri tahan lama sewaktu menggunakannya ?

Sebenarnya kita selalu menggunakan bateri jika pergi ke suatu tempat tertentu, jadi langkah-langkah di bawah amat sesuai dipraktikkan untuk menjimatkan kuasa bateri.

1. Perlahankan volume atau mute volume jika perlu
2. Adjust screen brightness, kurangkan kecerahan screen laptop, selalunya secara auto jika anda menggunakan option "Select a power plan" kepada "Power saver".
3. Disable bluetooth jika tidak menggunakannya.
4. Gunakan aplikasi yang tidak memerlukan jumlah RAM (Random Access Memory) yang banyak. Sebagai contoh, penggunaan notepad lebih kurang menggunakan jumlah RAM berbanding MS Word.
5. Matikan network



- card / switch off jika tidak menggunakan Internet/LAN.
6. Unplug USB device jika perlu. Sebagai contoh, tanggalkan pendrive jika tidak menggunakannya.
7. Shutdown atau gunakan Hibernate berbanding menggunakan Standby jika anda tidak menggunakan laptop buat seketika.
8. Buat defragment seminggu sekali bagi memastikan komputer dapat berjalan dengan lancar.
9. Jangan gunakan CD/DVD.
10. Matikan ports (switch off ports) yang tidak digunakan seperti Ethernet/USB dan sebagainya.